



NOVEMBER 2017

CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Jumaat, 03 November 2017 - YB Pehin Menteri KKBS menerima kunjungan Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia Republik Singapura, Puan Yang Terutama Grace Fu Hai Yien. Puan Yang Terutama Grace Fu berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka lawatan kerja bagi Program Pemimpin Muda antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura. Delegasi Singapura diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Penyelaras Keselamatan Negara Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean. Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua menteri bertukar-tukar pandangan dan maklumat mengenai hal ehwal kebudayaan, belia dan kemasyarakatan serta perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama.



YB Pehin juga berkesempatan bersua muka dan beramah mesra dengan peserta Program Pertukaran Kepimpinan Belia Singapura-Brunei (SBYLEP) ke-4 di Dewan Digadong kementerian berkenaan.





Sabtu, 04 November 2017– Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ke Majlis Perasmian Pameran Darussalam dan Kota Singa : Pameran Brunei - Singapura di Bangunan Galeri Seni di Dermaga Diraja dijunjung oleh YB Pehin Menteri KKBS dan Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia Republik Singapura, Puan Yang Terutama Grace Fu Hai Yien. Mengiringi keberangkatan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal seterusnya diikuti dengan sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil. Perasmian Pameran Darussalam dan Kota Singa : Pameran Brunei - Singapura disempurnakan bersama oleh Duli Yang Teramat Mulia dan TYT Teo Chee Hean.

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri seterusnya berkenan bergambar ramai bersama TYT Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura dan isteri. Sejurus itu, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan bertukar-tukar cenderamata kenang-kenangan bersama TYT Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura. DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri kemudian berangkat bersama TYT Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura dan isteri untuk menyaksikan pameran mengenai Negara Brunei Darussalam. Penerangan mengenai pameran tersebut disebarkan oleh Pemangku Pengarah Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad Abdoh bin Haji Awang Damit.





Sabtu, 04 November 2017– YB Pehin Menteri KKBS menjadi tetamu kehormat pada Majlis Malam Anugerah Pelangi Ke-6 yang berlangsung di Jerudong Park Amphitheatre. Dua artis tempatan Aziz Harun dan Jaz telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Eksklusif pada majlis berkenaan. Anugerah Vokal Lelaki Pilihan dan Lagu Pilihan 2016 - 2017 turut dimenangi Jaz. Susan pula memenangi Vokal Wanita Pilihan, sementara Vokal Duo / Kumpulan Pilihan diraih oleh A Band Once dan Artis Baharu Pilihan pula diterima oleh Eia. Lagu 'Misteri Cinta' dari Titans pula dinobatkan sebagai Lagu Pilihan 2014 - 2015 pada anugerah tersebut. Penyampaian hadiah-hadiah telah disempurnakan oleh YB Pehin Menteri.



Ahad, 05 November 2017– Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta terus dimeriahkan dengan pertunjukkan bunga api yang diadakan di Taman Mahkota Jubli Emas. YB Pehin Menteri KKBS bersama YB Pehin Menteri Pendidikan dan YB Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta VIP lain hadir menyaksikan pertunjukkan tersebut. Persembahan bunga api yang berlangsung kira-kira 30 minit merupakan sumbangan Gabungan Peniaga-Peniaga Negara Brunei Darussalam.

Isnin, 06 November 2017 - YB Pehin Menteri KKBS menerima kunjungan dari penulis Negara Russia, Mr Plekhanov di pejabat YB Pehin. Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd Juanda bin Haji A. Rashid.





Isnin, 06 November 2017 - Peserta Program Pertukaran Belia Republik Korea yang merupakan sebahagian daripada Program Pertukaran Belia Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea bagi Tahun 2017 telah diraikan dalam Majlis Resepsi yang diadakan di Dewan Digadong. Seramai 10 orang belia dari Republik Korea diketuai oleh Pegawai dari Ministry of Gender, Equality and Family, Republik Korea, Baek Hyeonseok terlibat dalam program ini. Hadir ke Majlis Resepsi tersebut ialah YB Pehin Menteri KKBS dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Won-Myung. Para peserta berkesempatan membuat lawatan ke Pusat Belia di ibu negara, Pusat Pembangunan Belia, Universiti Brunei Darussalam, Muzium Teknologi Melayu, Muzium Maritim, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja, Galeri Sukan, Sekolah Antarabangsa Brunei, Darussalam Enterprise (DARE), menyaksikan kemeriahan Bandarku Ceria, termasuk menjalankan homestay bersama keluarga angkat selama dua hari di Daerah Tutong. Sebelum ini rombongan belia dari Negara Brunei Darussalam telah membuat pertukaran lawatan ke Republik Korea pada 7 hingga 16 Ogos 2017 yang lalu yang merupakan kali ke-7 sejak mula dilaksanakan pada tahun 2011. Hubungan persahabatan dan persefahaman Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea semakin kukuh dan terjalin erat dengan adanya Program Pertukaran. Pertukaran Belia Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea, Setakat ini, seramai 70 belia dari Negara Brunei Darussalam dan 70 belia dari Republik Korea telah menyertai Program Pertukaran Belia Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea. Turut hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Dato Paduka Awang Haji Mohd Juanda bin Haji A. Rashid serta pegawai-pegawai kanan KKBS.





Selasa, 07 November 2017 - Dayang Siti Noraspadiyah binti Haji Md. Sah, Pengarah Pendidikan SCOT dan Lembaga Pengarah SCOT, terpilih sebagai penerima Anugerah Kehormat The Society for Community Outreach & Training (SCOT) bagi tahun 2017. Anugerah disampaikan oleh YB Pehin Menteri KKBS pada Mesyuarat Agung Tahunan SCOT 2017 dan Penyampaian Anugerah Kehormat SCOT 2017 di Bilik Mesyuarat, Pusat Belia di ibu negara. Anugerah tersebut khas diberikan kepada ahli berwibawa yang terpilih oleh ahli jawatankuasa SCOT sebagai penghargaan di atas jasa-jasa dan komitmen belia kepada persatuan dan masyarakat awam secara keseluruhannya sepanjang tahun 2016. Yang Berhormat Menteri juga turut menyampaikan Certificate of Aspiration 2017 kepada Ahli-ahli SCOT yang mempamerkan kemahiran dalam kepimpinan dari segi idea dan inovasi dalam mengungkapkahkan projek-projek baharu bagi persatuan ini.



Rabu, 08 November 2017- Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Haji Mohd Juanda bin Abd Rashid mempengerusikan pada sidang media Acara Larian Jubli Emas sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta yang berlangsung di Dewan Citra Budaya, KKBS.

Dalam ucapannya menerangkan terdapat dua kategori pertandingan disediakan iaitu Kategori Lelaki Terbuka dan Kategori Wanita Terbuka dengan jarak 10 kilometer. Manakala Kategori Fun Run Terbuka pula sejauh 4 kilometer. seramai 6,202 orang telah mendaftar di Daerah Brunei dan Muara, 569 orang di Daerah Belait, 941 mendaftar di Daerah Tutong sementara 369 mendaftar di Daerah Temburong yang membawa jumlah keramaian 8,081 untuk menyertai Larian Jubli Emas ini.

Acara dianjurkan oleh KKBS bersama-sama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pembangunan, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kesihatan, di samping penglibatan semua kementerian-kementerian yang lain serta Persekutuan Olahraga Brunei Darussalam




Rabu, 08 November 2017 - Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil menjadi tetamu kehormat bagi Majlis Makan Malam Perpisahan Program Pertukaran Belia Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea 2017 yang berlangsung di Bilik VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Cho Won-Myung serta pegawai-pegawai kanan KKBS dan Kedutaan Korea di Negara Brunei Darussalam.



Khamis, 09 November 2017 - Pameran Kaligrafi Islam sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta telah diadakan di Muzium Teknologi Melayu, KKBS. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu YB Pehin Menteri KKBS. Dalam ucapan Pesuruhjaya Tinggi India ke negara ini, Puan Yang Terutama Nagma M. Mallick menyatakan bahawa pameran seumpama itu menyanjung kata Ya ng Maha Esa dan membuktikan ketaatan pada agama, tarikan artistik dan kemahiran kaligrafi India yang merupakan acara terbaik bagi festival tersebut.

Pameran juga tanda persahabatan dan perpaduan kerajaan India pada kerajaan dan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam. Sebanyak 36 kepingan fotografi kaligrafi berupa koleksi istimewa dan menarik dipamerkan termasuk salinan faksimile kaligrafi Al-Quran pada Kurun Ke-7 hasil tulisan Hazrat Ali (R.A). Orang ramai berpeluang untuk menyaksikan pameran tersebut bermula 9 hingga 25 November, dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang, manakala Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan disambung kembali dari jam 2.00 petang hingga 4.30 petang.





Isnin, 11 November 2017 - Seramai 235 peserta terdiri dari 100 peserta perempuan dan 135 peserta lelaki berumur 10 hingga 18 tahun dari sembilan buah negara, iaitu Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Viet Nam, Kemboja dan Myanmar telah mengambil bahagian dalam kejohanan Renang Kumpulan Umur Asia Tenggara Ke-41 (41st SEA Age Group Swimming Championship yang diadakan di Kolam Renang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Kejohanan yang berlangsung selama tiga hari ini telah dirasmikan oleh YB Pehin Menteri KKBS.



Ahad, 12 November 2017 - Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien menjadi tumpuan apabila 6,202 peserta menyertai Larian Jubli Emas bagi memeriahkan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. Hadir mengetuai acara keraian dan kesukanan tersebut ialah YB Pehin Menteri KKBS. Muncul juara pada Kategori Lelaki Terbuka 10 km ialah Younes Ammouta, manakala Leong Sheo Yee pula menjuarai Kategori Wanita Terbuka 10 km. Larian seumpamanya juga diadakan serentak di daerah-daerah lain. Seramai 569 peserta mendaftar di Daerah Belait, sementara Daerah Tutong pula seramai 941 peserta dan Daerah Temburong seramai 369 peserta.



Keputusan 2017 antara Kementerian-Kementerian. Pasukan ini membawa pulang wang tunai sebanyak BND2,000 berserta medal selepas menewaskan pasukan Kementerian Pembangunan, 5 - 4 menerusi sepakan penalti pada perlawanan akhir yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Hadir menyaksikan perlawanan akhir tersebut dan seterusnya menyampaikan hadiah ialah YB Pehin Menteri KKBS.

Ahad, 12 November 2017 - Piala Pusingan Kurnia DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri menjadi milik pasukan KHEDN apabila muncul sebagai juara Kejohanan Bola Sepak Piala





Isnin, 13 November 2107 - YB Pehin Menteri KKBS semasa siri Permuzakarahan Ahli-ahli MMN dengan Kementerian-Kementerian yang berlangsung di Dewan Binadiri, Pusat Pembangunan Belia telah menggariskan empat aspirasi utama KKBS ialah untuk memasyarakatkan budaya kepada rakyat, menggalakkan pembangunan masyarakat yang progresif, menggembelng proses pembentukan belia yang memberikan manfaat kepada golongan belia dan menjadikan sukan sebagai satu mekanisme untuk memupuk semangat kekitaan dan mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan rakyat. Untuk pelaksanaan tanggungjawab KKBS dalam merancang (planning) mengambil inisiatif (leading), menyusun atur (organising) dan mengawal (controlling) pelaksanaan bidang tugasnya, mekanisme multi-level telah diutamakan untuk konsultasi, menyelaraskan, memantau dan menilai program dengan lebih bekerjasama kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, non-governmental organisations dan swasta untuk keberhasilan yang lebih tinggi. YB Pehin menyatakan bahawa pada Tahun Kewangan 2016 / 2017, KKBS telah menyusun pengutamaan dalam pelaksanaan pengutamaan dalam pelaksanaan program dan projek empat bidang tugasnya (kebudayaan, kemasyarakatan, kebeliaan dan kesukanan) melalui outreach, engagement dan tindakan bersepadu seluruh jentera kerajaan. Pengutamaan tersebut termasuk pelaksanaan tindakan bersepadu sektor kebudayaan dan kemasyarakatan dimulakan dengan pembukaan Pusat-Pusat Masyarakat Bistari yang merangkumi fungsi-fungsi mukim buku dan PAKWE di bawah satu bumbung dan pensejajaran program-program bantuan yang sedia ada dan

pembentukan program bantuan baharu untuk menghasilkan perubahan minda, tabiat dan amalan masyarakat agar lebih berdikari dan financially independent telah dititikberatkan. Selain itu, Sambutan Hari Belia Kebangsaan telah diadakan setiap tahun dan pada tahun ini bertemakan 'Kesukarelawan belia' yang menunjukkan kecemerlangan kaum belia di negara dalam bidang kesukarelawanan dan memperlihatkan impak positif untuk masa depan belia negara. YB Pehin turut menyentuh pencapaian negara dalam kejohanan serantau seperti Kejohanan Sukan SEA dan ASEAN Para Games yang diadakan di Kuala Lumpur amat dibanggakan, sebagai negara kecil yang mampu melahirkan atlet-atlet yang berpotensi untuk mencapai pingat.

Di samping itu, KKBS bersama kementerian berkepentingan yang lain telah mengungkapkahkan aktiviti riadah bersukan dengan bertambahnya acara larian serta riadah berbasikal yang diisytiharkan sebagai hobi negara. YB Pehin seterusnya menekankan dalam membangun negara dan mencapai Wawasan Brunei 2035 memerlukan komitmen yang tinggi daripada anggota Perkhidmatan Awam dan masyarakat umumnya dari itu, sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sangat dialu-alukan, apatah lagi sebarang cadangan kerjasama dan usaha sama, khususnya dalam mendukung program dan inisiatif kementerian yang sedang dirancang dan akan dilaksanakan. Sesi permuzakarahan kali ini dihadiri oleh 14 Ahli MMN yang diketuai oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari dan dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Taklimat juga telah disampaikan oleh Setiausaha-Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin Haji A. Rashid. Sesi Muzakarah telah disusuli dengan Sesi Dialog, Muzakarah mencetus suasana silaturahim, muhibah dalam bercambah fikiran dan berbincang secara terbuka.

Rabu, 15 November 2017 - YB Pehin Menteri KKBS menerima kunjungan perpisahan dari PYT Loan Forgeron, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Peranchis ke NBD di pejabat YB Pehin.



Rabu, 15 November 2017 - YB Pehin Menteri KKBS telah merasmikan Hari Kanak-Kanak Sedunia yang berlangsung di Dewan Digadong. Intipati majlis ini ialah forum Kanak-Kanak Brunei Darussalam selama dua hari diadakan bermula 15 hingga 16 November dengan tema 'Kanak - Kanak Cemerlang, Negara Gemilang'. Penyampaian ucapan disampaikan oleh Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa dan Wakil Istimewa UNICEF bagi Negara Brunei Darussalam, Marianne Clark-Hattingh. Forum yang dianjurkan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Authority for Infocommunications Technology Industry (AiTi) Brunei Darussalam tersebut, antara lain bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan khususnya kepada kanak-kanak mengenai Konvensyen Hak Kanak-kanak (Convention on the Rights of the Child - CRC) dan orang ramai secara amnya. Turut hadir pada majlis tersebut ialah 50 pelajar Tahun 9 dan 10 dari sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta.




Khamis, 16 November 2017 - YB Pehin Menteri KKBS telah merasmikan Kejohanan Bola Sepak Olimpik Khas Piala Borneo Ke-10 dan Kejohanan Bola Sepak Unified kali pertama anjuran Special Olympic Brunei Darussalam (SOBD). Sebanyak 13 yang yang terdiri dari lebih 150 atlet istimewa dari Negara Brunei Darussalam, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kalimantan menyertai kejohanan iaitu tujuh pasukan Unified dan enam pasukan dari Olimpik Khas. kejohanan tersebut adalah khusus bagi individu-individu istimewa yang mempunyai kelemahan dari segi intelektual di rantau Borneo. Kejohanan yang disempenakan dengan Sambutan Jubli Emas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.



Jumaat, 17 November 2017 - YM Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, SUT KKBS hadir selaku tetamu kehormat dan wakil peribadi kepada YB Pehin Menteri KKBS pada Majlis Perhimpunan Sasterawan Budayawan Negara Serumpun (PSBNS) Brunei 2017 dan seterusnya melancarkan buku hasil karya salah seorang ahli PSBNS Chapter Brunei. Majlis berlangsung di Dewan Raya, Radio Televisyen Brunei. Perhimpunan selama enam hari yang bermula hari ini dianjurkan oleh Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei (ASTERAWANI) dan PSBNS Chapter Brunei. Ketua 1 ASTERAWANI, Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah, selaku Pengerusi Majlis merangkap Ketua PSBNS Chapter Brunei menjelaskan, PSBNS pada dasarnya adalah bertujuan sebagai satu wadah untuk memahami sastera dan budaya negara-negara serumpun yang mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan, yang dengan kefahaman tersebut, akan wujud perhubungan, kesefahaman dan kerjasama sesama anggota dengan lebih baik.



Ahad, 19 November 2017 - YB Pehin Menteri KHEU dan YB Pehin Menteri KKBS **menjadi** tetamu khas majlis Hari Terbuka MIB yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin. Acara ini dikendalikan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) itu merupakan sumbangan dalam sama-sama memeriahkan dan menyemarakkan lagi suasana Sambutan Jubli Emas KDYMM. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta nyanyian lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam beramai-ramai. Seterusnya, majlis diikuti dengan senaman ringan sebelum berjalan kaki mengelilingi Taman Mahkota Jubli Emas. Sebelum itu, Pelepasan Cabaran 3B (Berkarih, Berjarah, Berlurih) telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.





Ahad, 19 November 2017 - KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Regata Sarawak 2017 dan Majlis Santap Minum Petang yang berlangsung di Kuching, Sarawak. Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Dato Laila Utama Pehin Sri Dr. Haji Abdul Taib bin Mahmud dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib; Ketua Menteri Negeri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Patinggi Dato Hajjah Juma'ani binti Tun Tuanku Haji Bujang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berangkat ke Kuching Waterfront, Sarawak bagi menyertai perlumbaan perahu dan seterusnya menyaksikan perlumbaan-perlumbaan akhir perahu Regata Sarawak 2017. KDYMM dijunjung menaiki Kapal Persiaran 'Sayang Sarawak' bagi menyusur hilir Sungai Sarawak. Di atas kapal persiaran tersebut, baginda dijunjung untuk melepaskan tembakan bagi Upacara Pelepasan Lumba Perahu Regata Sarawak 2017. KDYMM dijunjung beredar ke garisan permulaan untuk menyertai acara khas regata, Perlumbaan Perahu Kategori VIP. Mengiringi Kebawah DYMM dalam menyertai Perlumbaan Perahu VIP tersebut ialah YB Pehin Menteri KKBS. Dalam Perlumbaan Perahu VIP pasukan KDYMM dijunjung untuk menerima trofi kemenangan selepas pasukan Negara Brunei Darussalam menjadi juara.

Isnin, 20 November 2017 -YB Pehin Menteri mengetuai rombongan pedikir KKBS bagi menyemarakkan lagi sambutan Maulidurrasul bertempat di Masjid Kg Lambak Kiri.





Isnin, 20 November 2017 - YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah berkenan berangkat menyempurnakan pembukaan rasmi Simposium Tekstil Tradisional ASEAN Ke-6 yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, di sini. Berangkat sama, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah. Juga berangkat pada majlis tersebut ialah KDYTM Tengku Puan Pahang Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, selaku Ketua Delegasi Malaysia. Keberangkatan tiba YTM dijunjung oleh YB Pehin Menteri KKBS, Timbalan Menteri Pendidikan dan Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandi Simposium Tekstil Tradisional ASEAN Ke-6. Negara Brunei Darussalam pada tahun ini menjadi penganjur simposium telah menyetujui tema 'Upholding Traditions For Sustainable Future : Golden Ties That Bind'. Simposium Tekstil Tradisional ASEAN Ke-6 ini dijayakan dengan hasil kolaborasi di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, UBD, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta Traditional Textiles Arts Society of South East Asia dengan sokongan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan dan Jabatan Adat Istiadat. Antara objektif simposium, bagi menyediakan wadah bagi pakar-pakar tekstil tradisional, pengkaji, pelajar-pelajar dan pengusaha-pengusaha berkumpul untuk membincangkan dan bertukar-tukar pandangan bagi sama-sama menyokong usaha pemeliharaan dan memastikan kemampuan tenunan semula jadi dan pengeluaran tekstil di rantau ini.



Isnin, 20 November 2017 - YB Pehin Menteri hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada Persatuan Pacuan Empat Roda NBD yang mewakili negara dalam penyertaan salah satu daripada 10 acara besar dalam perlumbaan motor paling sukar di dunia yang akan diadakan di Pahang, Malaysia bermula dari 24 November hingga 5 Disember 2017. Seramai 23 ahli Persatuan Pacuan Roda NBD bersama keluarga dan rakan mereka berlepas ke Kuala Lumpur bagi menghadiri Majlis Menaikan Bendera bagi Rainforest Challenge 2017 di Taman Tasik Tituwangsa sebagai sokongan mereka kepada pasukan Brunei. Turut menyertai perlumbaan Malaysia, Rusia, Filipina, Indonesia, dan lain-lain.



Khamis, 23 November 2017 - YB Pehin Menteri KKBS menyeru PSB menerokai kaedah yang lebih 'mesra', inovatif lagi kreatif untuk menarik minat orang ramai seperti penggunaan media baharu dari teknologi canggih demi menyerapkan sejarah ke dalam minda setiap lapisan masyarakat di negara ini, terutama sekali generasi muda yang akan menjadi peneraju dan penghuni negara masa hadapan. Sejarah adalah cermin identiti dan budaya sesebuah negara atau bangsa itu sendiri. Tanpa sejarah kita tidak akan tahu asal-usul kita. Tanpa mengetahui dan memahami sejarah negara dan bangsa sendiri, kita akan terus menjadi mangsa orientalcentric, iaitu bangsa yang mengharapkan kepada rujukan dan pandangan orang luar terhadap sejarah negara dan bangsa sendiri.

YB Pehin seterusnya menambah, penyelidikan, pengkajian dan penganalisaan sejarah hendaklah dilaksanakan oleh warga Brunei sendiri, agar kesahihan dan ketulenan sejarah tersebut terjaga dan sentiasa dilindungi. Seruan ini disampaikan oleh YB Pehin semasa Pertandingan Pidato Sejarah Kali Ke-3 Peringkat Akhir Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Tahun 2017 anjuran PSB, dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan Jabatan Radio Televisyen Brunei. Pertandingan bertemakan 'Sejarah Melakar Pembangunan Negara Bangsa' itu bertujuan untuk menyerapkan budaya berfikir secara kritis, dalam kalangan para pelajar peringkat menengah dan pengajian tinggi, di samping meningkatkan daya fikir para pelajar dalam membuat tafsiran dan penilaian semula ke atas suatu peristiwa bersejarah di negara ini




Khamis, 23 November 2017 - YB Pehin Menteri KKBS telah merasmikan Festival Makanan Oman (Omani Food Festival) anjuran Kedutaan Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung selama 10 hari yang akan berakhir pada 2 Disember 2017 di Restoran Spaghettini, The Empire Hotel & Country Club. Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari dalam ucapan alu-aluannya berkata, masakan Oman berkembang melalui kepelbagaian budaya dan geografi yang berabad-abad menerusi rantau yang berbeza di seluruh negara. Menurut TYT pameran masakan tradisional merupakan alat yang berkesan untuk menggalakkan hubungan antara kedua-dua negara. TYT menambah, ini merupakan peluang bagi orang-orang Brunei untuk mencuba dan menikmati sendiri makanan Oman, ia juga dapat mempromosikan dan mengukuhkan lagi kerjasama pelancongan di antara kedua-dua negara kerana makanan sememangnya faktor utama untuk menarik para pelancong.



Khamis, 23 November 2017 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan lagi Majlis Dikir Syarafil Anam sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. YB Pehin Menteri KKBS mengetuai rombongan dikir yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya dan para belia yang terdiri daripada penuntut-penuntut Pusat Pembangunan Belia ke Masjid Kampung Serdang.



Jumaat, 24 November 2017 - Nazmi Textile Mall melebarkan lagi perusahaannya dengan membuka cawangan yang ke-11 bertempat di Kompleks Annajat, Beribi. Hadir bagi merasmikan cawangan ini YB Pehin Menteri KKBS. Turut hadir, SUT Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin A. Rashid serta perwakilan-perwakilan luar negeri ke NBD dan para tetamu jemputan. Pada majlis tersebut, Yang Berhormat turut menyempurnakan penyampaian pakej umrah kepada seorang kakitangan Nazmi yang telah menunjukkan semangat jati diri dan komitmen serta dedikasi yang tinggi dalam tugas sebagai pekerja contoh di Nazmi Textile Mall.



Sabtu, 25 November 2017 - YB Pehin Menteri KKBS menegaskan bahawa Ibu bapa dan guru-guru memainkan peranan penting dalam mendidik serta memantau perkembangan pembelajaran anak-anak khususnya mata pelajaran bahasa Melayu agar penggunaan bahasa Melayu mereka lebih mantap dan tidak tercabar oleh kesan ledakan teknologi pada masa kini. YB Pehin berucap demikian pada Majlis Sambutan 50 Tahun Penerbitan Mekar dan Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Karangan Majalah Mekar di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas. YB Pehin menyatakan bahawa perkembangan dan ledakan teknologi yang serba canggih pada masa kini memberi kesan sampingan atau cabaran misalnya anak-anak lebih cenderung menghadap gadget berbanding bahan-bahan cetakan. Adalah diharapkan dengan adanya peraduan seumpama ini, akan terus dapat menanamkan dan menyemai minat membaca dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Menurut YB Pehin Kegiatan "Akademi Penulis" perlu diwujudkan yang bertujuan mengasuh bakat-bakat muda yang lahir dari peraduan menulis karangan majalah.

Sabtu, 25 November 2017 - YB Pehin Menteri KKBS dan Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD, Puan Yang Terutama Nagma M. Mallick menghadiri Majlis Resepsi yang diadakan di Dewan Digadong, bangunan KKBS. YB Pehin beramah mesra dengan para pemain dari pasukan FC Goa, India dan bergambar ramai bersama pasukan kelab bola sepak profesional India yang berpangkalan di Goa, India itu. Pasukan tersebut ditubuhkan pada tahun 2014 dan bertanding dalam Liga Super India (ISL); Liga India (I-League) serta Liga Profesional Goa. Pasukan ini akan mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan Brunei DPMM FC. Perlawanan dianjurkan bagi Festival India di Negara Brunei Darussalam dan turut diselajurkan bersempena Sambutan Jubli Emas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Perlawanan juga merupakan acara di bawah Memorandum Persefahaman dalam kerjasama dalam bidang kebeliaan dan kesukanan yang telah dimeterai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik India pada 2 Februari 2016.



Ahad, 26 November 2017 - YB Pehin Menteri KKBS turut sama menyertai DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dalam perlumbaan Lumba Perahu Fiberglass Acara Khas 15 Pekayuh yang berlangsung di perairan Sungai Brunei berhadapan dengan Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan.

Isnin, 27 November 2017 - YB Pehin Menteri KKBS semasa merasmikan majlis Seminar Kajian Manuskrip Borneo 2017 menyatakan Pengkajian dan penulisan sejarah Borneo adalah sangat penting dan amat diperlukan, bukan sahaja untuk pengembangan ilmu pengetahuan sejarah, malah sumbangannya dalam menyelamatkan khazanah sejarah dan warisan masyarakat Borneo yang masih banyak tersimpan dan belum dikaji, sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan khususnya 'Manuskrip Melayu'. YB Pehin menambah, Seminar Kajian Manuskrip Borneo sudah setentunya akan mendekatkan dan membarigakan sejarah Borneo kepada masyarakat Borneo, khususnya generasi belia untuk membuat kajian dan penulisan mengenai sejarah Borneo yang masih kekurangan dan kurang lengkap dewasa ini. Manuskrip Melayu ialah artefak yang sangat bernilai dan terpenting sebagai warisan tamadun bangsa yang amat berharga, di mana ia merupakan hasil karya penulisan tangan berskrip Jawi dengan menggunakan versi Melayu yang dihasilkan sekitar Abad Ke-16 hingga Abad Ke-19. YB Pehin juga menegaskan usaha-usaha lebih agresif perlu dibuat untuk mengenal pasti serta mengesan taburan Manuskrip Melayu di seluruh dunia untuk dihimpunkan semula di negara ini. Sebanyak 53 kertas kerja dibentangkan oleh para pembentang dalam dan luar negara termasuk 37 pembentang dari negeri-negeri dan wilayah di Kepulauan Borneo.





Selasa, 28 November 2017 - Sambutan Maulidur Rasul, 12 Rabiulawal terus disemarakkan dengan dikir-dikir memuji Nabi junjungan Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. YB Pehin Menteri KKBS bersama rombongan meneruskan acara dikir di masjid Kampong Junjongan. Turut serta Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda dan Penghulu Mukim Pengkalan Batu.

Rabu, 29 November 2017 - YB Pehin Menteri KKBS menjelaskan semasa Majlis Penutup Festival Seni Pencak Silat sempena Sambutan Jubli Emas KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta di Stadium Tertutup bahawa Pertandingan Silat Kebangsaan telah meningkat menjadi Festival Seni Pencak Silat dengan tujuan untuk menghayati seni budaya warisan orang Brunei yang masih lagi disimpan dan dipelihara oleh orang-orang tua. YB Pehin menambah, Warisan ini diturunkan kepada anak-anak muda generasi belia, supaya tidak luput dan tidak dicuainya dan diubah-ubah seni keasliannya. Pencak Silat Majlis Sukan ABDB telah menjuarai keseluruhan pertandingan. Naib juara disandang oleh Pertubuhan Gagak Hitam manakala Perguruan Seni Pencak Silat Gerak 41 menduduki tempat ketiga. Hadiah2 telah disampaikan oleh YB Pehin Menteri.



Khamis, 30 November 2017 – YB Pehin Menteri KKBS mempengerusikan Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 yang berlangsung di Dewan Digadong. YB pehin menyatakan bahawa tanggungjawab dan peranan semua ahli untuk terus berganding bahu serta bekerjasama adalah amat penting bagi memastikan sambutan tersebut nanti berjalan dengan lancar, teratur juga sempurna seperti yang dirancang dan dihasratkan. Agenda mesyuarat membincangkan mengenai tema dan logo sambutan, Upacara Perhimpunan Agung termasuk konsep persembahan, Majlis Doa Kesyukuran, Upacara Menaikkan dan Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam termasuk Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja juga Program Semarak Pengibaratan Bendera serta membincangkan perisian buku program sambutan tersebut.



Tim Penerbitan Jeffree Haji Md Kassim **Penyunting & Penyemak**, Jeffree Haji Kassim **Perwajahan dan Aturhuruf** Jeffree Hj Md Kassim **Jurufoto** Hajah Ajjah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.